

HARI RAYA PENTEKOSTA (A)

Kis 2:1-11; Mzm 103:1. 24. 29-31. 34. R. v. 30; 1 Korintus 12:3-7. 12-13 Yoh 20:19-23

Tema: ALLAH YANG BANGKIT MEMBERI KITA ROH PENGAMPUNAN, KASIH, GEMBIRA, AMAN DAN KESATUAN; DAN MENGUTUS KITA MEWARTAKAN KHABAR GEMBIRA!

1. Hari ini kita merayakan Hari Raya Pentekosta, ia itu, turunnya Roh Kudus. Bacaan hari ini memberitahu kita bahawa Allah yang bangkit telah memberi para muridNya Roh pengampunan, kasih, gembira, aman dan penyatuan dan mengutus mereka untuk mewartakan Khabar Gembira.

Injil hari ini memberitahu kita bahawa pada hari kebangkitan Nya, Tuhan telah datang kepada murid-muridNya dan memberitahu mereka, “Damai sejahtera bagi kamu!” Damai ini adalah lebih daripada kata alu-aluan atau ketiadaan peperangan. Damai ini bererti “Shalom” (Ibrani), iaitu, kepenuhan, kesempurnaan, tiada kekurangan, kesejahteraan, dll., dan di dalam Perjanjian Baru ia bererti penyelamatan. Kedamaian dunia tidak dapat memberikan. (Yoh 14:27)

Kemudian Dia melihatkan tanganNya dan sampingNya dan pada murid-muridNya dipenuhi oleh kegembiraan. Sekali lagi, kegembiraan di sini bukan maksud kesukaan, tetapi kegembiraan yang tidak ada orang yang boleh merampas daripada mu” (Yoh 16:22). Lagi, Ia berkata kepada mereka, “Damai sejahtera bagi kamu! Sama seperti Bapa mengutus Aku, demikian juga sekarang Aku mengutus kamu.” Dan sesudah berkata demikian, Ia menghembusi mereka dan berkata: “Terimalah Roh Kudus. Jikalau kamu mengampuni dosa orang, dosanya diampuni, dan jikalau kamu menyatakan dosa orang tetap ada, dosanya tetap ada.”

Lebih daripada itu, Para Konsili Trent (Abad ke-16) mengajar bahawa di samping memberi Gereja kuasa untuk membaptis dan mengampun dosa, Allah yang bangkit juga memberi Gereja kuasa pengampunan dalam Sakramen Pertobatan/Penyesalan. Apabila kita berbuat dosa selepas pembaptisan kita harus pergi ‘mengaku dosa’.

Sri Paus Yohanes Paulus memberitahu kita bahawa cinta kasih Tuhan senantiasa melibatkan pengampunan, sebab Allah mengasihi pendosa, bukan santo-santo. Sekali lagi, Roh Kudus adalah Roh pengampunan, kasih, gembira dan damai. Lagi, Allah yang bangkit memberi kita Roh Kudus dan mengutus kita keluar untuk mewartakan Khabar Gembira.

2. Bacaan pertama memberitahu kita bahawa Roh Kudus adalah Roh Kesatuan. Bacaan pertama memberitahu kita bahawa pada hari Pentekosta, Roh Kudus turun pada para rasul dan mereka berkata-kata dalam berbagai bahasa – bukan sahaja ‘berbahasa roh’ dan orang-orang Yahudi dari negara lain berkumpul di Yerusalem masing-masing mendengar rasul-rasul itu berkata-kata dalam bahasa mereka sendiri. Bacaan pertama memberitahu kita bahawa khabar gembira adalah untuk semua bangsa, dan lebih penting lagi, bahawa Roh Kudus adalah Roh Penyatuan. Roh Kudus akan menyatukan semua bangsa di dunia.

Pentekosta membetulkan Menara Babel (Kej 11:1-9) Kitab Kejadian memberitahu kita orang-orang telah mendirikan sebuah menara untuk mencapai kesorga, untuk sampai kepada Allah. Sama seperti Adam dan Hawa mereka telah berbuat dosa keangkuhan dan Allah mengelirukan bahasa mereka dan

diserakkan keseluruh dunia. Mereka terbagi-bagi menjadi bangsa-bangsa dan negara-negara. Pentekosta menyatukan mereka menjadi satu umat Allah.

3. Sahutan Mazmur adalah madah pujian kepada Allah pencipta. Sahutan Mazmur mempunyai tiga stansa. Ayat pertama adalah untuk puji-pujian Tuhan. (Mzm 103:1). Ayat kedua pada staza pertama memberitahu kita mengenai makhluk yang dicipta Tuhan. (Mzm 103:24) Stansa kedua memberitahu kita bahawa semua makhluk berdasarkan kehidupannya kepada Tuhan (Mzm 103:29-30). Stansa ketiga memberitahu kita kegembiraan Allah atas ciptaannya dan kita makhluknya juga gembira dengan Allah. (Mzm 103:31.34/HCSB)

Sahutan antarabacaan diambil dari ayat 30 Mazmur : “Apabila Engkau mengirim roh-Mu, mereka tercipta, dan Engkau membaharui muka bumi.” Ayat 30 memberitahu kita bahawa Allah bukan sahaja mencipta, tetapi juga menanggung bumi. Tetapi ayat 30 telah di pendekkan dan diambil terima sebagai sahutan Hari Raya Pentekosta: “Utuslah Roh-Mu, ya Tuhan, dan baharuilah muka bumi.”

Ayat 30 memberitahu kita bahawa Roh Kudus ada pada penciptaan dan ada kesatuan didalam penciptaan. Bahkan Fr. Telihard de Chardin (Padri, saintis dan paleon-anthropologist) memberitahu kita bahawa evolusi membawa kita kepada kesedaran dan kesan kesedaran penyatuan. Lagi, Roh Kudus adalah Roh Penyatuan.

4. Akhirnya, bacaan kedua memberitahu kita bahawa Roh Kudus bukan roh perpecahan tetapi adalah Roh penyatuan dalam pembedaan. Dalam bacaan kedua umat di Korintus telah terbagi-bagi disebabkan oleh anugerah karismatik, khususnya, anugerah “berbahasa roh” Santo Paulus memberitahu umat Korintus dalam bacaan kedua, berbeza-beda anugerah datang dari Roh yang sama dan ianya adalah untuk melayani Tuhan Yesus yang sama, dan Tuhan yang sama bekerja di dalam semua anugerah. Dan berbeza-beda anugerah itu diberikan adalah untuk kebaikan komuniti. Paulus juga memberitahu umat Korintus bahawa mereka adalah bahagian-bahagian tubuh Kristus yang sama dan mereka semua menerima satu Roh dalam Pembaptisan dan “Ekaristi”. (Sepenuhnya) Lagi, Roh Kudus bukan roh perpecahan tetapi adalah roh Penyatuan dalam pembedaan.

5. Hari ini dalam Ekaristi, kita merayakan kematian dan kebangkitan Yesus Kristus, dan kita makan tubuhnya dan darahnya, dan Allah yang Bangkit akan memberi kita Roh pengampunan, kasih, kegembiraan, damai dan penyatuan; dan mengutus kita ke dunia untukewartakan khabar gembira agar mereka yang percaya dan dibaptis akan menerima Roh pengampunan, kasih, kegembiraan, damai dan penyatuan. Selamat menyambut Hari Raya Pentekosta kepada kamu semua.

Amen!

Cadangan soalan untuk renungan individu dan untuk perkongsian dalam keluarga, dalam kumpulan kecil, dan dalam komuniti yang kecil:

1. Adakah kamu telah menerima Roh Kudus dalam Pembaptisan dan Penguatan? Adakah kamu menerima Roh Kudus dalam Ekaristi? Mengapa Sri Paus Benediktus XVI memanggil Ekaristi itu “Pentekosta Agung”? (Pesanan untuk WYD 2008)

2. Adakah Roh Kudus Roh perpecahan atau Roh Penyatuan? Adakah keluarga kita, komuniti kita, diosis kita dan Gereja kita bersatu atau berpecah?

3. Apa anugerah yang telah kamu terima dari Roh Kudus?

4. Apakah yang diberitahu kepada kita dari petikkan Injil Hari ini: “Sama seperti Bapa mengutus Aku, demikian juga sekarang Aku mengutus kamu”? Apakah kamuewartakan khabar gembira?

5. Apa perkataan “Damai” bererti bagi kamu? Apa perkataan “Shalom” bererti bagi kamu?

6. Adakah kamu gembira? Adakah kamu bersuka? Apa bezanya gembira dan bersuka?

7. Bolehkah kamu mengampuni orang lain? Bolehkah kamu mengampuni diri mu sendiri? Bolehkah kamu mengampuni orang lain dan diri mu sendiri dengan bantuan Roh Kudus?

8. Percayakah kamu bahawa Gereja di beri kuasa pengampunan dosa dalam Sakramen Pertobatan/Penyesalan? Adakah kamu pergi mengaku dosa?

9. Apakah yang dikatakan kepada kamu dalam Pengantar Inji hari ini: “Datanglah, ya Roh Kudus, penuhilah hati umat beriman, dan nyalahkanlah api cinta kasih-Mu dalam hati mereka.”?

10. (a) Apakah yang di katakan kepada kamu daripada ayat 30 sahutan Mazmur: “Apabila Engkau mengirim roh-Mu, mereka tercipta, dan Engkau membaharui muka bumi.” Percayakah kamu bahawa Roh Kudus ujud dalam penciptaan?

(b) Apakah yang dikatakan kepada kamu dari sahutan Mazmur: “Utuslah Roh-Mu, ya Tuhan, dan baharuilah muka bumi.”?

11. Apakah petikkan dari bacaan pertama ini bermaksud bagi kamu: “Maka penuhilah mereka dengan Roh Kudus, lalu mereka memulai berkata-kata dalam bahasa-bahasa lain, seperti yang diberikan oleh Roh itu kepada mereka untuk mengatakannya.”?

12. Apakah petikkan dari bacaan kedua bermaksud untuk kamu: “Seperti badan kita, meski banyak anggotanya, merupakan suatu kesatuan, dan semua anggota yang berlain-lainan itu biarpun banyak, merupakan satu badan saja, demikian pula Kristus.”

13. Apakah masuknya bagi kamu Doa Pembukaan Misa hari ini: “Allah Bapa kami, benarkanlah Roh Mu yang Engkau utuskan kepada GerejaMu memulai pengajaran Injil terus bekerja dalam dunia melalui hati semua yang percaya”?

14. Apakah yang di katakan kepada kamu mengenai petikan dari Berkat Scui Misa Kudus hari ini: “Semoga api semangat yang nampak pada murid-murid menyala seperti lidah api akan memadam segala kejahatan dalam hati kamu dan membuatnya menyinari cahaya yang suci”?

Gereja Holy Trinity (HTC), Batu 1 ½ , Jln Kuhara, Tawau, Sabah, Malaysia.